

CABARAN KOMUNIKASI IBU BAPA DALAM KELUARGA MUSLIM DI SELANGOR

PARENTS COMMUNICATION CHALLENGE IN MUSLIM'S FAMILY IN SELANGOR

Safinah Ismail¹, Rosmawati Mohamad Rasit², Zulkefli Aini³, Nazneen Ismail⁴ & Noraini Mohamad⁵

¹ Pensyarah Jabatan Dakwah & Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 43000 Kajang, Selangor, safinah@kuis.edu.my.

² Pensyarah Kanan Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, rosmawati@ukm.edu.my.

³ Pensyarah Kanan Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, zulai@kuis.edu.my.

⁴ Pensyarah Jabatan Dakwah & Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 43000 Kajang, Selangor, nazneen@kuis.edu.my.

⁵ Pensyarah Jabatan Kefahaman & Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 43000 Kajang, Selangor, norainimohamad@kuis.edu.my.

* Safinah binti Ismail

Artikel diterima: 28 Mei 2020

| Selepas Pembetulan: 27 Jun 2020

| Diterima untuk terbit: 02 Julai 2020

Abstrak

Komunikasi merupakan aspek penting dalam mengukuhkan kesejahteraan sesebuah keluarga. Walau bagaimana pun, komunikasi yang tidak efektif memberi impak negatif sekaligus mencetuskan kucar kacir dalam keluarga termasuk keluarga Muslim. Bagi membendung gejala ini, ibu bapa merupakan penggerak utama dalam membentuk dan membimbing anak-anak seterusnya mewujudkan sesebuah keluarga. Dalam kajian ini membincangkan berkaitan komunikasi ibu bapa dan cabaran komunikasi ibu bapa dalam kalangan keluarga Muslim di Selangor. Objektif artikel ini membincangkan cabaran komunikasi ibu bapa dalam keluarga Muslim mendidik anak-anak masakini. Metodologi kajian ini adalah menggunakan kajian kualitatif berbentuk fenomenologi. Ia digunakan bagi memahami cabaran ibu bapa dalam berkomunikasi dengan anak-anak. Hasil kajian menunjukkan bahawa komunikasi ibu bapa dapat memberi kesan kepada perkembangan peribadi, tingkah laku dan sistem kepercayaan. Dalam berkomunikasi dengan anak-anak, ibu bapa menghadapi pelbagai cabaran komunikasi antaranya kegagalan memahami kehendak anak, anak-anak tidak memahami mesej yang disampaikan oleh ibu bapa, mesej tidak sampai disebabkan kelekaan anak-anak, kesibukan ibu bapa dalam menunaikan tanggungjawab, sikap ibu bapa yang tidak dapat mengawal emosi, perbezaan jantina dan peringkat umur serta pengaruh gajet kepada anak-anak. Oleh itu, diharap agar ibu bapa dapat meningkatkan ilmu keibubapaan dan kemahiran komunikasi bagi menangani cabaran dengan penuh hikmah dan dapat mencapai rumah tangga yang bahagia.

Kata kunci

Cabaran, Komunikasi, Ibu Bapa, Keluarga Muslim

Abstract

Communication is an important aspect of strengthening the well-being of a family. However, ineffective communication can have a negative impact and can cause havoc in families including Muslim families. To counteract these symptoms, parents are a key driver in shaping and guiding children and then establishing a family. This study discusses parent communication and parental communication challenges among Muslim families in Selangor. The objective of this article is to discuss the challenges parents communicate in Muslim families to educate children today. The methodology of this study is to use qualitative studies in the form of phenomenology. It is used to understand the challenges parents face in communicating with their children. The results show that parental communication can affect personal development, behavior and belief systems. In communicating with children, parents face a variety of communication challenges including failure to understand the child's needs, misunderstandings of the parent's message, parental misunderstandings, parental busyness, parenting attitude unable to control emotions, gender and age differences and the influence of gadgets on children. Therefore, it is hoped that parents can improve parenting and communication skills to cope with challenges wisely and reach a happy home.

Keywords

Parents, Challenge, Communication, Muslim's Family

1. Pengenalan

Pendidikan anak-anak memainkan peranan penting dalam menjamin pembentukan generasi yang seimbang akidah, ibadah dan akhlak. Bagi memastikan proses pendidikan yang seimbang tercapai, ibu bapa perlu mengamalkan komunikasi yang berkesan kepada anak-anak. Ini kerana ibu bapa merupakan orang yang paling hampir dan sentiasa berkomunikasi dengan anak-anak sejak kecil. Namun, ia bukan perkara mudah kerana selain daripada mengurus keluarga, ibu bapa juga mempunyai tanggungjawab kepada masyarakat yang perlu ditunaikan sama ada ia berbentuk tanggungjawab di tempat kerja mahupun sebagai anggota masyarakat. Selain itu, cabaran juga boleh jadi wujud di pihak anak-anak sendiri dari segi sikap diri sendiri di samping pengaruh persekitaran termasuk pendidikan, rakan-rakan dan perkembangan zaman. Justeru, kajian ini akan menyentuh aspek cabaran komunikasi, komunikasi ibu bapa serta keluarga Muslim.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) cabaran didefinisikan sebagai hasil mencabar iaitu mempersoalkan dan mempertikaikan sesuatu unsur yang mencabar serta menguji kemampuan dan ketabahan seseorang atau sesuatu organisasi. Oleh itu, cabaran juga membawa maksud sesuatu hal atau perkara yang menguji kemampuan serta ketabahan seseorang yang ada kaitannya dengan organisasi. Manakala komunikasi ibu bapa bermaksud hubungan atau interaksi antara ibu bapa dengan anak-anak. Ia juga disebut sebagai komunikasi keluarga. Ini bermakna mereka merupakan unit kecil masyarakat yang tinggal serumah, berinteraksi, berkomunikasi antara satu sama lain berdasarkan peranan masing-masing sebagai suami dan isteri,

sebagai ibu bapa, sebagai anak lelaki dan anak perempuan, sebagai abang dan kakak, membentuk serta mengekalkan budaya yang sama (Ismail, 2007). Komunikasi bentuk ini memerlukan kerjasama dan saling memahami antara ahli keluarga bagi memastikan tujuan bersama dapat dicapai dengan sebaiknya. Untuk itu, kajian ini akan fokus kepada keluarga Muslim di Selangor. Keluarga Muslim yang dimaksudkan ialah sebuah keluarga yang mendasarkan aktivitinya untuk membentuk keluarga yang selari dengan syarak, berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah (Alfandi, 2017). Secara ringkasnya, perbincangan artikel ini tertumpu kepada bentuk-bentuk cabaran yang dihadapi oleh keluarga Muslim dalam berkomunikasi sesama mereka.

1.1 Komunikasi Ibu Bapa

Hasan dan Mohd (2004) menerangkan komunikasi dalam sesuatu hubungan mempunyai dua unsur yang terlibat. Hal ini disebut sebagai iklim komunikasi. Iklim komunikasi yang diterangkan adalah seperti iklim biasa dalam kehidupan iaitu iklim positif dan iklim negatif. Iklim positif wujud dalam suasana yang baik manakala iklim negatif wujud dalam suasana yang tidak baik. Kedua-dua iklim ini berkait rapat dengan komunikasi dalam keluarga. Institusi kekeluargaan Islam berperanan sebagai model dalam membentuk asas keluarga Islam, perpaduan hubungan dalam keluarga dan sebagai pelindung bagi menjamin akhlak generasi akan datang (Daud, 1989 & Zuhair, 1995). Tuskan (2003) menyenaraikan enam ciri yang perlu ada dalam diri ibu bapa untuk membentuk keluarga bahagia. Ciri-ciri tersebut adalah ibu bapa berperanan sebagai pendidik, pendorong, pengelola, perancang, inovator dan penilai dalam mendidik anak-anak. Tugas ibu bapa yang bersandarkan kepada al-Quran dan as-Sunnah akhirnya mampu melahirkan anak-anak yang soleh dan solehah (al-Qarni, 1990). Siraj (2003), Kamsah dan Maheran Makhtar, (2005) berpendapat ibu bapa adalah model utama yang mencerminkan contoh teladan baik yang akhirnya akan menjadi ikutan anak-anak dalam kehidupan seharian mereka.

Dalam konteks komunikasi keluarga, Hassan dan Mohd (2000) menyatakan ayat-ayat yang digunakan dalam komunikasi mestilah ayat yang boleh merapatkan silaturrahim. Hal ini kerana ramai orang fasih dan petah dalam bercakap tetapi tidak pandai komunikasi. Kemahiran bercakap dan kemahiran komunikasi adalah dua kemahiran yang berbeza. Ini kerana, kemahiran bercakap adalah bakat seseorang dalam mengeluarkan pertuturannya manakala kemahiran komunikasi berdasarkan ilmu pengetahuan. Ahmad Muati dan Zamri (2016) membahaskan kemahiran berkomunikasi penting kerana proses interaksi yang berlaku mampu memberi kesan pada individu lain dalam proses komunikasi. Perbahasannya turut menggariskan dalam komunikasi tidak digalakkan menggunakan bahasa seperti perkataan yang membawa makna kepada arahan seperti *kenalah*, *wajiblah*, *perlulah*, *mestilah* dan *patutlah*, perkataan yang membawa gaya bahasa yang mengajar orang lain. Pada masa yang sama, kepentingan komunikasi ibu bapa tidak dinafikan kerana ia terbukti mampu memberi kesan kepada perkembangan keperibadian anak-anak serta tingkah laku dan sistem kepercayaan mereka (Butterfield & Sideling, 1998).

Oleh itu, pengkaji mendapati enam ciri ibu bapa yang dapat membentuk keluarga bahagia dan mampu melahirkan anak-anak yang soleh dan solehah iaitu sebagai pendidik, pendorong, pengelola, perancang, inovator dan penilai dalam mendidik anak-anak. Oleh itu, ibu bapa perlu menggunakan komunikasi yang sesuai bagi merapatkan

silaturrahim. Pada masa yang sama, ilmu keibubapaan dan kemahiran komunikasi perlu dikuasai oleh ibu bapa kerana mampu memberi kesan positif kepada anak-anak.

1.2 Cabaran ibu bapa dalam mendidik anak-anak masa kini.

Berdasarkan kajian lepas, terdapat pelbagai cabaran ibu bapa dalam berkomunikasi dengan anak-anak. Antaranya ialah:

a) Maklumat Tidak Dapat Difahami

Cabaran utama dalam komunikasi berlaku adalah kerana maklumat yang hendak disampaikan itu tidak dapat difahami dan kurang jelas terhadap si penerima. Keadaan ini sekaligus memberi kesan negatif malah menjadi halangan utama dalam proses komunikasi (Selamat et al, 2002). Pandangan Baba (2015) menyatakan ramai ibu bapa yang bercakap dengan anaknya namun tidak bermakna kerana mesej yang disampaikan tidak sampai pada sasaran, mereka tidak fokus dan tidak memahami apa yang diperkatakan. Sehubungan dengan itu, Mohamed (1995) menjelaskan kegagalan terhadap komunikasi atau *communication breakdown* akan mewujudkan suasana persekitaran yang negatif wujud dalam sebuah keluarga.

b) Sikap Ibu Bapa

Sikap ibu bapa yang tegas, mengawal dan tidak mesra dengan anak-anak mewujudkan konflik dalam sesebuah rumah tangga (Azyiah et al, 2015). Yulia Hairina (2017) mendapati cabaran komunikasi berlaku disebabkan ibu bapa bersikap kasar, tegas, diktaktor. Oleh yang demikian, anak membesar menjadi seorang yang egois, agresif dan sukar bersosialisasi. Di samping itu juga, sikap ibu bapa yang lebih mementingkan kerjaya menyebabkan kualiti kebajikan keluarga menurun dan menjadi tidak kukuh (Ibrahim, 2003). Selain daripada itu, sikap terlalu memanjakan dengan cara memenuhi segala keperluan dan kehendak anak-anak sehingga menyebabkan anak-anak berasa selesa tanpa perlu berusaha untuk mendapat sesuatu perkara (Baswedan, 2012).

c) Ibu bapa kurang mengambil berat.

Ahmad dan Mohd Noor (2016) menunjukkan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti sosial anak-anak membawa pengaruh besar dalam peningkatan sendiri mereka. Sejajar dengan itu, kajian Arnold dan Zeljo (2008) menunjukkan penglibatan ibu dalam kehidupan anak-anak adalah elemen utama dalam mempengaruhi kemajuan dalam bidang pendidikan. Apabila ibu bapa kurang mengambil berat tentang anak-anak menyebabkan anak-anak terlibat dengan pelbagai masalah sosial dan pencapaian akademik yang rendah (Salleh & Hashim, 2009).

d) Kurang Penerapan Ilmu Agama Dalam Keluarga

Kajian Zakaria (2015) menunjukkan antara faktor utama dalam institusi kekeluargaan ialah kekurangan penerapan ilmu agama dalam jiwa anggota keluarga. Ia merangkumi akidah, syariah dan akhlak. Oleh itu, mereka meminggirkan cara hidup Islam dalam kehidupan seharian.

e) Kurang Kasih Sayang

Apabila anak-anak kekurangan kasih dan perhatian ibu bapa, hal ini menyebabkan menyebabkan mereka merasakan diri tersisih, tidak disayangi dan tidak dihargai (Che Ahmad et al, 2010).

f) Kurang Kemahiran Komunikasi

Kajian Che Noh dan Yusoff (2011) membuktikan bahawa wujud jurang di antara ibu bapa Melayu dan anak akibat kurang kemahiran komunikasi antara mereka. Ini mendorong kepada wujudnya konflik dan hubungan yang renggang. Manakala kajian Kamoo & Mohd Salleh (2014) mendapati bahawa apabila ibu bapa kurang komunikasi menyebabkan anak-anak sukar untuk meluahkan masalah mereka secara terbuka. Faktor masa juga mempengaruhi komunikasi ibu bapa dan anak-anak.

g) Pengaruh Media Dalam Institusi Keluarga

Dewasa kini, penggunaan internet dari pelbagai peranti teknologi (*gadget*) telah digunakan secara meluas oleh semua lapisan masyarakat seperti komputer, komputer riba, alat video, televisyen, telefon pintar, tablet, laman sesawang jaringan sosial seperti *facebook*, *twitter*, *youtube*, *blog* dan sebagainya mendapat tempat di seluruh pelusuk. Bahkan penyebaran data dan maklumat melalui aplikasi ini tidak mengenal tempat, jarak dan waktu. Hal ini menyebabkan pengguna lebih mengutamakan gadget daripada interaksi sosial secara fizikal. Jelasnya lagi, dalam konteks kehidupan berkeluarga, keadaan ini akan membawa kepada ketidakseimbangan pola interaksi komunikasi antara ibu bapa dan anak-anak (Ismail et al. 2019 & Latip 2015).

Selaras dengan itu, secara umumnya ibu bapa menghadapi pelbagai cabaran dalam berkomunikasi dengan anak-anak. Antaranya ialah maklumat tidak dapat difahami anak, sikap ibu bapa yang tegas, mengawal dan tidak mesra dengan anak-anak. Begitu juga sikap mementingkan kerjaya menyebabkan kualiti kebajikan keluarga menurun. Selain itu, sikap memanjakan berlebihan kepada anak-anak juga menjadi cabaran bagi ibu bapa dalam mendidik anak-anak. Cabaran Komunikasi juga berlaku apabila ibu bapa yang kurang mengambil berat tentang aktiviti-aktiviti anak-anak, kurang penerapan ilmu agama dalam keluarga, kurang kasih sayang, kurang kemahiran komunikasi dan pengaruh media dalam institusi keluarga memberi impak negatif dalam keluarga.

2. Metodologi Kajian

Metodologi kajian merupakan perancangan umum bagaimana penyelidikan yang ingin dilaksanakan dapat menghasilkan data-data yang tepat atau hampir tepat bagi menerbitkan dapatan-dapatan yang berkualiti untuk manfaat bersama (Chua, 2014). Rekabentuk kajian merujuk kepada suatu teknik atau kaedah tertentu untuk memperoleh maklumat yang diperlukan bagi menyelesaikan masalah (Konting, 2009). Rekabentuk kajian kualitatif ini menggunakan kaedah kajian fenomenologi berdasarkan pengalaman sebenar yang dilalui (Darussalam & Hussin, 2016). Dalam melaksanakan kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah temubual semi berstruktur kepada enam orang peserta kajian yang mewakili ibu bapa dalam keluarga Muslim di Selangor yang dijalankan melalui perbincangan kumpulan fokus. Soalan-soalan temu bual dibina

selaras dengan objektif kajian (Chua, 2014). Peserta kajian terdiri daripada ibu bapa yang mempunyai anak remaja. Mereka memiliki ciri yang telah ditetapkan iaitu menjadi ibu bapa yang sah dari sisi syarak dan memiliki anak lebih daripada tiga orang serta berada dalam lingkungan umur remaja. Peserta kajian adalah terdiri daripada 2 lelaki mewakili bapa dan 4 perempuan mewakili ibu (Ismail & Ali, 2016 & Chua, 2014). Data temu bual telah dianalisis secara deskriptif menggunakan analisis tematik menggunakan Atlas t.i. Analisis data melibatkan cantuman pelbagai data, pengkelasan data mengikut kategori, atau tema yang sesuai dan tepat tentang apa sampel kata dan apa yang pengkaji lihat dan baca (Lebar, 2015). Kesemua rekod hasil temu bual telah ditranskripikan ke dalam komputer.

3. Dapatan Kajian

Hasil temubual yang dijalankan, antara cabaran yang dikenal pasti dalam komunikasi ibu bapa ialah kegagalan mereka untuk memahami kehendak anak seperti yang dinyatakan oleh PK1:

Kalau anak-anak yang kecil masalahnya kita tidak boleh faham dia, apa kehendak dia, bila remaja dan dah besar sikit dia ada masalah dekat sekolah kadang-kadang dia ada rahsia dengan kita, so nak check balance (keseimbangan) tu kena sentiasa. Saya ingat kalau masalah komunikasi ni dia tidak boleh sekali sahaja beri arahan, dia perlu ada feedback, sekejap-kejap tanya macam tu. Dalam masa seminggu kalau duduk asrama mesti ada feedback dari anak-anak itu (PK 1/2020/TB/00:45-1:43)

Selain itu, cabaran juga timbul apabila anak-anak tidak memahami mesej yang disampaikan oleh ibu bapa mereka. Menurut PK2:

Kekadang kita nampak dah okey, macam kita rasa kita dah komunikasi kan tapi rupanya tak sampai. Bila kita nilai balik eh ni lain rasanya macam kadang-kadang kita dah sebut dah tetapi dia gagal untuk capai kita punya kpi itu. (PK 2/2020/TB/1:43-2:37)

Kadang kita dah sampaikan tapi pada dia tak sampai. Saya tak tahu itu peringkat generasi kadang banyak kali sebut dah tapi buat. (PK2/2020/TB).

Pernyataan disokong oleh PK6. Menurut beliau isu mesej tidak sampai ini berkait dengan kelekakan anak-anak itu sendiri:

Masalahnya satu, ni antaranya masalah komunikasi yang menyebabkan kadang-kadang anak-anak dia tak boleh fokus arahan mak bapa, antaranya tv, gadget kalau dia tak dapat kat rumah dia akan pergi rumah kawan dia. Tapi itu bagi saya zaman dia. Tapi itu antara masalah kerana itu zaman mereka. Kalau kita berada di situ kita akan buat, kita akan bermain ten-ten, galah panjang sama sahaja konsepnya. Masalah ni anak-anak ni dia buat baik tapi belakang kita belum tentu dia buat baik dia pergi surau, kadang-kadang surau dia ada surau yang lain, saya ada anak semua lelaki. Jadi kita kena guide dan atur cara (PK 6/2020/TB/6:22-8:17)

Cabaran komunikasi ibu bapa lain yang dikenal pasti ialah kesibukan ibu bapa dalam menunaikan tanggungjawab selain keluarga. Hal ini sedikit sebanyak menjadi halangan bagi ibu bapa untuk berkomunikasi secara bersemuka dengan anak-anak. Malah PK4 melihat ada kalanya kesibukan itu berpunca daripada anak-anak sendiri.

Dari sudut masa untuk komunikasi boleh tak dimasukkan dalam maslaah komunikasi. Sebab kekurangan masa kita dengan tugas luar dengan anak-anak pun masing-masing sibuk anak-anak pun sibuk, bukan mak ayah je sibuk kekadang anak-anak dia lebih sibuk daripada kita, sampai tidur pun, kita tidur dia tak tidur lagi, sibuk dengan tugas-tugas sekolah (PK 4/2020/TB/8:17-8:47).

Antara cabaran yang berpunca daripada ibubapa ialah isu kawalan emosi. Menurut PK5:

Masalah komunikasi antara ibubapa dan anak. Ibumama ya, kadang-kadang kita kurang dapat kawal emosi. Kadang-kadang kita tahu ilmu parenting ni tapi kadang-kadang kita terlepas pandang. Kita rasa kita bersalah berbaliklah mintak maaf dengan anak, itu solusinya. Tapi masalahnya kurang kawal emosi ketika marah atau memberi nasihat kepada anak. (PK 5/2020/TB/5.49-6:22)

Di samping itu, perbezaan jantina dan peringkat umur juga merupakan salah satu cabaran komunikasi ibubapa. Menurut PK3, perbezaan ini mempengaruhi corak atau gaya komunikasi ibubapa kepada anak-anak.

Kak Na ada anak beberapa peringkat lah ada yang dah kahwin dan bujang semua tingkatan satu ke atas. Apa yang kak min nampak sebenarnya ada perbezaan komunikasi anak lelaki dan anak perempuan. Kadang-kadang anak perempuan ini mungkin kita cakap sekali dia boleh pickup dah contohnya lepas basuh pinggan ni buat ni buat ni dia boleh la ikut. Tapi kadang-kadang anak lelaki dia nak yang hujung je. Kalau suruh basuh pinggan lepas tu sidai kain dia ingat sidai kain je dia tak ingat basuh pinggan. Ada bezalah sikit kan. Jadi yang sekolah rendah dan menengah pun ada bezalah juga. Kalau sekolah yang rendah tu, dia lebih kepada kalau kita nak cakap tu tegas, tapi kalau sekolah menengah ni dia kena ada slow talk la sikit dia lain la sikit rasa dihargai. Walaupun dia tak tunjuk, contohnya anak perempuan dia tak bercerita dia bagi cerita. Mula-mula dia tengok kawan dia mak ayah dia peluk setiap kali masuk asrama. Umi dan abi dia tak buat pada mula-mula dia masuk asrama sebab apa sebab mungkin dia tak biasa macam tu. Mak tak buat pun macam tu. Jadi kita tak buat tapi bila kita baca buku, tanya kawan rupanya power peluk tu sebenarnya tak kira la lelaki atau perempuan bila kita buat sebenarnya lain peluk dan tak peluk. (PK 3/2020/TB/2:37-4:51)

Selain daripada komunikasi secara bersemuka, informan turut melihat ketiadaan anak mereka di hadapan mata sebagai salah satu cabaran dalam berkomunikasi. PK1 menyatakan kekusarannya terhadap pergaulan anak-anak di luar pengetahuannya.

Kerana budak-budak ini ia sentiasa terdedah dengan bermacam-macam cabaran dengan kawan-kawan. Kadang-kadang kita tinggalkan dia asrama nampak dah okey tetapi dia ada jumpa benda-benda lain. Jadi komunikasi itu kena kerap. (PK 1/2020/TB/00:45 -1:43)

PK6 juga mengaitkan cabaran bentuk ini dengan pengaruh gajet kepada anak-anak.

Bila anak-anak bila dia berkawan dengan handphone antara yang tidak boleh lari perkara yang tak senonoh. Saya memang cakap dengan anak-anak along nak tahu tak dekat sini ada syaitan dan malaikat. Benda ini ada baik benda ini ada buruk, kena ingat benda ini boleh kita masuk syurga dan neraka. Di mana sahaja kita berada di situ ada Allah. Allah tahu, malaikat tahu. Jadi buat baik-baik kawal iman juga (PK6/2020/TB/7:55 -8:19)

4. Perbincangan

Hasil daripada temubual, dirumuskan bahawa ibu bapa mengakui terdapat cabaran bagi mereka dalam berkomunikasi dengan anak-anak. Cabaran ini pula berpunca daripada diri ibu bapa itu sendiri, anak-anak atau faktor sekeliling. Cabaran yang berpunca daripada ibu bapa ialah seperti kegagalan memahami kehendak anak, kesibukan dengan tanggungjawab lain, kegagalan mengawal emosi dan kebijaksanaan dalam berhadapan dengan anak yang berbeza jantina dan peringkat umur. Penemuan ini adalah seiring dengan kajian Ismail et al (2002) dan Baba (2015) yang menyatakan kegagalan mesej difahami dengan baik adalah cabaran utama dalam komunikasi keluarga. Selain itu, masalah kawalan emosi ibu bapa mempunyai persamaan dengan dapatan kajian (Abu Bakar, 2015, Ahmad & Nazri, 2017 & Yulia Hairina, 2017). Begitu juga dengan masalah kesibukan ibu bapa yang menjejaskan ruang komunikasi didapati seiring dengan kajian Mohd Majzub (2003) dan Tuskan (2003). Manakala cabaran yang berpunca daripada anak-anak ialah kegagalan mereka memahami mesej yang disampaikan, kelekaan dengan perkara lain seperti gajet dan permainan sehingga tidak fokus kepada komunikasi ibu bapa dan kesibukan diri mereka dengan urusan harian lain.

Akhir sekali, persekitaran sosial seperti berada di luar kawalan dan pemerhatian ibu bapa, pergaulan dengan rakan-rakan dan penggunaan gajet juga menjadi halangan dan cabaran yang perlu dihadapi oleh ibu bapa dalam berkomunikasi dengan anak-anak mereka. Kebergantungan kepada gajet ini sangat memberi kesan kepada interaksi sosial sesama manusia. Jika ia tidak dibendung, akan mengundang ketidakseimbangan pola interaksi komunikasi keluarga. Lebih malang lagi jika kegagalan ini menggelincirkan keluarga Muslim daripada matlamatnya yang sebenar. Penegasan tentang kepentingan pemeliharaan ahli keluarga ini dinyatakan dalam al-Quran melalui Firman Allah SWT dalam Surah al-Tahrim ayat 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ

Maksudnya:

Hai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu.

5. Penutup

Komunikasi keluarga merupakan komunikasi yang dilakukan oleh ahli keluarga iaitu ibu bapa terhadap anak-anak. Komunikasi ibu bapa bukan sahaja memberi kesan kepada perkembangan keperibadian anak-anak bahkan ia juga memberi kesan kepada tingkah laku dan sistem kepercayaan. Apabila berkomunikasi dengan anak-anak, ibu bapa menghadapi pelbagai cabaran iaitu kegagalan memahami kehendak anak, anak-anak tidak memahami mesej yang disampaikan oleh ibu bapa, mesej tidak sampai disebabkan kelekakan anak-anak, kesibukan ibu bapa dalam menunaikan tanggungjawab, kesibukan ibu bapa dalam menunaikan tanggungjawab, sikap ibu bapa yang tidak dapat mengawal emosi, perbezaan jantina dan peringkat umur juga merupakan salah satu cabaran komunikasi ibubapa serta pengaruh gajet kepada anak-anak.

Rujukan

- Abu Bakar, A. (2015). Komunikasi Keluarga dan Pengurusan konflik : Dari Persepektif Remaja Melayu. *Pengajian Media Malaysia / Malaysian Journal of Media Studies*, 17(1), 11–28.
- Ahmad, A.M. (2016). *Psikologi Dalam Komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad, A.D. & Nazri M.A. (2017). Komunikasi Keluarga Berdasarkan Uslub Nabi SAW. *Al-Turath*, 2(1), 54–64.
- Ahmad, A. & Mohd. Noor, N. (2016). *Persekitaran Keluarga dan Kesannya Terhadap Pendidikan Anak-Anak Jalanan di Chow Kit Kuala Lumpur*. Retrieved from <https://www.researchgate.net/publication/320074565>.
- Alfandi, D. (2017). *Komunikasi Interpersonal Keluarga Muslim Dalam Mengantisipasi Penyalahgunaan Narkoba Pada Remaja Di Kelurahan Sukabumi Bandar Lampung* (Universitas Islam Negeri Raden Intan Lampung). Retrieved from Tesis Sarjana Sosial dalam Ilmu Dakwah.
- Arnold, D.H & Zeljo, A. (2008). Parent Involvent In Preschool: Predictors And The Relation Of Involvement To Prelitery Development. *School Pscyhology Review*, 37(1), 74–90.
- Baba, B. (2015). *Mendidik Anak Abad 21: Satu Pengalaman*. Bangi: MPWS Rich Publication Sdn Bhd.
- Baswedan, A.R. (2012). Konsumerisme Visi Hidup dan Pendidikan dalam Keluarga. *Jurnal Kependidikan*, XXXIII(2), 81–87. <https://doi.org/10.1007/s13398-014-0173-7.2>.
- Butterfield, M.B. & Sidelinger, R. (1998). The Influence Of Family Communication On The College-Aged Child: Openness, Attitudes And Actions About Sex And Alcohol,. *Communication Quarterly*, 46(3), 295–308. Retrieved from <https://doi.org/doi: 10.1080/01463379809370103>.
- Che Ahmad, A., Omar & Mohd. Isa, Z. (2010). Kanak-Kanak Bermasalah Tingkah Laku. *Jurnal Pendidikan Khas* 10(2), 21-27.
- Che Noh, C.H. & Yusooif, F. (2011). Corak Komunikasi Keluarga Dalam Kalangan Keluarga Melayu Di Terengganu (Patterns of Family Communication in Malay Families in Terengganu). *Jurnal Hadhari*, 3(2), 45–62. Retrieved from

www.ukm.my/jhadhari.

- Chua, Y.P. (2014). *Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Selangor: Mc Graw Hill Education.
- Daud, M. (2004). *Pendidikan Keibubapaan: Satu Pengenalan Ringkas*. Universiti Utara Malaysia.
- Hairina, Y. (2017). Prophetic Parenting Sebagai Model Pengasuhan Dalam Pembentukan Karakter (Akhlak) Anak. *Jurnal Studia Insania*, 4(1), 79–94. Retrieved from <https://doi.org/10.18592/jsi.v4i1.1115>.
- Hassan, A. & Mohd., A. (2000). *Seni Bercakap-Cakap dan Berbual-Bual*. Pahang: PTS Publications and Distributions Sdn. Bhd.
- Hussin, G.D. (2016). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim, S.M.S. (2003). *Pendidikan Anak-Anak: Tuntutan dan Tanggungjawab*. Selangor: PCT Sdn. Bhd.
- Ismail, A. (2007). *Kaunseling Islam : Kearah pembentukan keluarga dinamik*. Selangor: Karisma Publication Sdn Bhd.
- Ismail, A.M & Shahizan Ali M.N.S. (2016). *Mengenal Kuantitatif dan Kualitatif Dalam Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail, K., Selamat, J., Ahmad, S. & Abd. Rahim, M.H. (2002). *Pengucapan Awam : Strategi dan Kemahiran*. Bangi: Malaysia Press.
- Ismail, S., Ismail, N., Mohamad, N., Nor Sad, N.D.H. & Datu Asal, S. (2019). Cabaran Komunikasi Ibu Bapa dalam Masyarakat Melayu. *5 Th International Seminar On Islamiyyat Studies IRSYAD*, 108–118.
- Kamoo, G. & Mohd. Salleh, N. (2014). Pengaruh Struktur Keluarga dan Stail Keibubapaan Terhadap Pencapaian Akademik Murid India di Sekolah Menengah Rendah. *Jurnal Kukurikulum & Pengajaran Asia Pasifik (JuKu)*, 2(1), 44–53.
- Kamsah, M.F. dan Maheran Makhtar, M.Z. (2005). *Menangani Anak Bermasalah*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.
- Konting, M.M. (2009). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Latip, S.O. (2015). *Pengaruh Peranti Teknologi Kepada Perkembangan Sosial dan Permasalahan Kesihatan Kanak-Kanak*. Retrieved from <https://www.researchgate.net/publication/306256070>.
- Lebar, O. (2015). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd, Majzub, R. (2003). *Pendidikan Pra Sekolah Cabaran Kualiti*. Bangi: Malindo Sdn. Bhd.
- Mohamed, A.K. (1995). *Keunggulan Berkomunikasi Menjadi Komunikator Unggul Dalam Era Masyarakat Informasi*. Kuala Lumpur: DTP Enterprise Sdn. Bhd.
- Mohd., A. & Hassan, A. (2004). *Psikologi Asuhan Keluarga*. Kuala Lumpur: PTS Publication Sdn. Bhd.
- Salleh, M.J. & Hashim, C.N. (2009). Status Sosio Ekonomi Dan Komitmen Ibu Bapa Terhadap Pencapaian Pelajar Dalam Penilaian Menengah Rendah, Malaysia. *Kertas Kerja Pembentangan Pendidikan*, 21-24 May 2009.
- Siraj, S. (2003). *Pendidikan Anak-Anak*. Kuala Lumpur: Ampang Press Sdn. Bhd.
- Tuskan, H.A. (2003). *Peranan dan Tanggungjawab Ibu Bapa Terhadap Anak-Anak*. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Shafa.
- Zakaria, M.R. (2015). Kecuaian dan Pengabaian Kanak-Kanak Oleh Ibu Bapa:

Kedudukannya di Bawah Akta Kanak-Kanak 2001 dan Prinsip Syariah. *JUUM*, 19(37–49).
Zuhair, M. (2015). *Pendidikan Iman Dan Akhlak dalam Kekeluargaan*. Johor: Perniagaan Jahabersa.